

21 OCT, 2019

Wujudkan peraturan gig economy

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Wujudkan peraturan *gig economy*



Cermin Sanubari

SYAHREDZAN JOHAN

Bberapa minggu lepas, ratusan *rider* perkhidmatan sebuah syarikat penghantaran makanan telah mengadakan tunjuk perasaan dan boikot kerana tidak berpuas hati terhadap skim pembayaran yang diumumkan oleh syarikat tersebut.

Menurut mereka, skim baharu itu akan mengurangkan pendapatan mereka, walaupun syarikat menafikan dakwaan berkenaan. Malahan menurut syarikat, *rider* boleh mendapat pendapatan lebih dengan skim baharu tersebut.

Protes *rider* itu telah mendarat perhatian awam dan dibincangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri. Jemaah Menteri telah mencadangkan kepada syarikat untuk kembali kepada skim pembayaran asal. Namun demikian,

pihak syarikat bertekad untuk meneruskan dengan skim baru.

Rencana itu tidak akan membincangkan siapa yang betul dan siapa yang salah dalam isu ini. *Rider* dan syarikat sudah tentu mempunyai hujah dan alasan mereka sendiri.

Tetapi apa yang lebih penting lagi adalah pelan jangka panjang pihak kerajaan. Selain daripada cadangan kepada Foodpanda, Jemaah Menteri juga telah memutuskan bahanawatu satu jawatankuasa khas ditubuhkan yang terdiri daripada tiga kementerian: Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Belia dan Sukan untuk melihat isu-isu berkenaan dengan apa yang dikenali sebagai *gig economy*.

Gig economy adalah ekonomi di mana syarikat-syarikat menggunakan khidmat 'kontraktor bebas' yang secara kebiasaan memberikan khidmat secara separuh masa atau sementara wak-

Ramai yang terlibat dengan *gig economy* kerana itu sahaja pilihan yang ada.^{*}

tu. Contoh *gig economy* ialah perkhidmatan penghantaran makanan seperti Foodpanda dan Grabfood serta perkhidmatan seru pandu seperti Grab dan MyCar.

Bantahan *rider* Foodpanda menunjukkan terdapatnya keperluan untuk melaraskan *gig economy* tetapi kerana di luar sana pekerjaan yang ada tidak mencukupi atau sekiranya ada, gajinya rendah.

Oleh itu, ramai yang terlibat dengan *gig economy* kerana itu sahaja pilihan yang ada.

Dalam keadaan ini, terdapat keperluan untuk memastikan bahawa mereka yang terlibat dengan *gig economy* itu tidak dieksplotasi oleh syarikat-syarikat yang menggunakan perkhidmatan mereka. Kerajaan perlu memastikan bahawa kebijakan mereka yang terlibat dengan *gig economy*

undang.

Oleh itu, mereka tidak mempunyai pilihan untuk membawa tindakan undang-undang.

Tidak dinafik bahawa *gig economy* di seluruh dunia dikenali kerana ciri-ciri seperti keleksibetan dan cara masuk yang tidak

memerlukan kelayakan yang tinggi. Tetapi pada masa sama, kita perlu iktiraf bahawa di Malaysia, ramai yang melibatkan diri dalam *gig economy* bukan kerana ciri-ciri *gig economy* tetapi kerana di luar sana pekerjaan yang ada tidak mencukupi atau sekiranya ada, gajinya rendah.

Oleh itu, ramai yang terlibat dengan *gig economy* kerana itu sahaja pilihan yang ada.

Dalam keadaan ini, terdapat keperluan untuk memastikan bahawa mereka yang terlibat dengan *gig economy* itu tidak dieksplotasi oleh syarikat-syarikat yang menggunakan perkhidmatan mereka. Kerajaan perlu memastikan bahawa kebijakan mereka yang terlibat dengan *gig economy*

ini dijaga oleh syarikat-syarikat.

Pi samping itu, kerajaan juga wajar mempertimbangkan untuk meletakkan had pada komisyen yang boleh dikenakan seperti had komisyen 20 peratus untuk perkhidmatan seru pandu.

Sudah tentu, dalam melihat kepada keseluruhan aspek *gig economy* ini, tidak boleh ada terlalu banyak peraturan kerana ia akan membantutkan perkembangan *gig economy*. Kerajaan harus mencari keseimbangan yang betul dalam mengawal *gig economy*.

Pada masa sama, kerajaan juga harus melihat kepada isu-isu seperti peluang pekerjaan dan gaji, yang sudah tentu akan mengambil masa yang lebih panjang untuk diselesaikan. Langkah pertama telah diambil dengan memperkenalkan inisiatif #MalaysiaKerja dalam ucapan Belanjawan 2020 oleh Menteri Kewangan baru-baru ini.

^{*}Syahredzan Johan ialah pegawai di sebuah firma di Kuala Lumpur



21 OCT, 2019

Wujudkan peraturan gig economy

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Beberapa minggu lepas, ratusan rider perkhidmatan sebuah syarikat penghantaran makanan telah mengadakan tunjuk perasaan dan boikot kerana tidak berpuas hati terhadap skim pembayaran yang diumumkan oleh syarikat tersebut. Menurut mereka, skim baharu itu akan mengurangkan pendapatan mereka, walaupun syarikat menafikan dakwaan berkenaan. Malahan menurut syarikat, rider boleh mendapat pendapatan lebih dengan skim baharu tersebut. Protes rider itu telah mendapat perhatian awam dan dibincangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri.